

Pertemuan PM, Dr M diharap reda masalah

BH-23/10/2006

Pelbagai pihak anggap hadiah paling bermakna kepada rakyat

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam dialu-alukan dan disifatkan sebagai hadiah bermakna sempena Aidilfitri kepada rakyat dan negara.

Pelbagai pihak termasuk pemimpin Umno, pertubuhan bukan kerajaan dan parti komponen gembira dengan pertemuan bersejarah itu yang dianggap mampu menyelesaikan masalah dan kemelut dua pemimpin berkenaan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, pertemuan Perdana Menteri dengan Tun Dr Mahathir memang ditunggu-tunggu semua pihak, bukan hanya ahli Umno, malah rakyat jelata.

"Dengan pertemuan ini semua masalah yang dibangkitkan dapat diselesaikan dan Perdana Menteri dapat memberi penjelasan kepada semua persoalan yang dibangkitkan bekas Perdana Menteri.

"Ini adalah hadiah yang paling bermakna daripada kedua-dua pemimpin besar itu kepada rakyat sempena Aidilfitri Selasa ini," katanya ketika mengulas pertemuan Abdullah dan Dr Mahathir di sini, petang semalam.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Reezal Merican Naina Merican menyifatkan pertemuan itu sebagai rahmat kepada masyarakat Melayu negara ini.

Katanya, kedua-duanya adalah pemimpin yang dihormati dan semua pihak terharu dengan keterbukaan mereka mengadakan pertemuan berkenaan.

"Secara peribadi saya optimis pertemuan berkenaan akan membawa kepada persekitaran politik baru yang dapat mengukuhkan lagi ke-

kuatan Pak Lah sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno, parti komponen terbesar Barisan Nasional (BN)," katanya.

Beliau juga turut berpendapat pertemuan empat mata dua pemimpin besar itu membuahkan hasil yang mana Perdana Menteri dapat memberi penjelasan setiap masalah yang dikemukakan Dr Mahathir dan pada masa sama Abdullah memahami perkara yang dibangkitkan bekas Per-

dana Menteri.

Veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani berpendapat pertemuan dua pemimpin besar itu sebagai langkah bijak menyelesaikan kemelut kedua-dua tokoh berkenaan.

"Menerusi pertemuan itu semua kekusutan dan perkara yang kurang jelas dapat diselesaikan dan diperjelaskan. Tambahan pula ia berlangsung sebelum berakhirnya Ramadan ini," katanya.